



**ANUGERAH
PELAJAR CEMERLANG
2014**

**DAPATKAN BORANG APCBH 2014
DALAM SISIPAN PENDIDIKAN BH**

Misi terakhir temui 3,800 cebisan tulang

» Pasukan penyiasat jumpa 100 barangan peribadi, serpihan pesawat

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Lebih 3,800 cebisan tulang manusia ditemui dalam tempoh 14 hari misi pencarian di lokasi nahas pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 di Donetsk, timur Ukraine.

Misi oleh pasukan penyiasat antarabangsa, termasuk Pasukan Pengecaman Mangsa Bencana (DVI) Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berakhir 28 April lalu itu turut menemui lebih 100 barangan peribadi dipercayai milik mangsa dan ratusan serpihan

bangkai pesawat.

Komander Pasukan DVI, Asisten Komisioner Hussein Omar Khan, berkata semua cebisan tulang dan barangan peribadi itu akan dibawa ke Hilversum, Belanda pagi ini untuk dianalisis, manakala tiga kontena serpihan pesawat ke Pangkalan Udara Gilze-Rijen bagi tujuan siasatan.

“Semua cebisan tulang manusia dimuatkan dalam tujuh keranda untuk dibawa menaiki pesawat Hercules milik Belanda dan satu majlis khas bagi menghormati mangsa nahas akan diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kharkiv pagi ini, yang akan disiarkan secara langsung oleh stesen televisyen Belanda.

Misi diisytihar tamat

“Ini adalah keranda terakhir yang akan dibawa ke Belanda kerana



Pasukan penyiasat antarabangsa menggali tanah ketika misi pencarian di lokasi nahas MH17 di Donetsk, Ukraine.



**MH17
DITEMBAK**

misi pencarian ini diisytiharkan tamat selepas pasukan penyiasat antarabangsa berpuas

hati dengan hasil penemuan,” katanya yang kini berada di Donetsk kepada BH ketika dihubungi, semalam.

Pasukan penyiasat antarabangsa menyambung semula tugas pencarian baki mayat mangsa dan pesawat MH17 di lokasi nahas di Donetsk pada 16 April lalu.

Selain empat pegawai forensik

PDRM, misi pencarian di zon perang itu turut disertai 10 pegawai forensik polis dan 11 pegawai keselamatan tentera Belanda.

Berdepan risiko keselamatan

Selain terpaksa mengharungi angin kencang dan cuaca sejuk yang mencecah 1 darjah Celsius, pasukan penyiasat turut berdepan risiko keselamatan kerana bunyi tembakan kereta kebal dan mesingun pihak yang bertelagah masih kedengaran dari lokasi pencarian serta tempat penginapan.

Hussein berkata, beliau bersyukur kerana pasukannya terutama PDRM berjaya menyelesaikan misi berkenaan tanpa sebarang insiden.

“Misi ini berjaya mencapai matlamatnya walaupun dalam keadaan lokasi nahas yang masih bergolak ekoran peperangan antara tentera Ukraine dan pihak pemberontak. Alhamdulillah, semua petugas termasuk anggota kita berada dalam keadaan selamat,” katanya.